



KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI

PELAN TINDAKAN

DASAR AGRIKOMODITI NEGARA DAKN2030



Memajukan Agrikomoditi Demi Kemampunan dan Kemakmuran Bersama

Hakcipta Terpelihara Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, 2021

© Hakcipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem perolehan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara; elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

PELAN TINDAKAN
DASAR AGRIKOMODITI NEGARA 2021-2030 (DAKN2030)

ISBN 978-967-19545-2-2

Diterbitkan Oleh:
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
No. 15, Aras 6-13,
Persiaran Perdana, Presint 2,
62654 Putrajaya, Malaysia.

Kandungan

PERUTUSAN	2
PENGENALAN KEPADA DAKN2030	4
MEMANFAATKAN PERKONGSIAN PINTAR BAGI PENERIMAGUNAAN TEKNOLOGI DALAM INDUSTRI SAWIT	15
MEWUJUDKAN SINERGI DALAM TRANSFORMASI RANTAIAN NILAI INDUSTRI GETAH	29
MEMODENKAN INDUSTRI KAYU-KAYAN KE ARAH PENINGKATAN DAYA TAHAN	43
MEMACU PERKEMBANGAN INDUSTRI KOKO	57
MEMANTAPKAN PERTUMBUHAN INDUSTRI LADA	67
MENGGIATKAN INDUSTRI FIBER BERASASKAN TUMBUHAN	79
MEMPERTINGKATKAN EKONOMI KITARAN MENERUSI BIOJISIM AGRIKOMODITI	91
MEMPROMOSIKAN BIOBAHAN API SEBAGAI SUMBER TENAGA BERSIH - BIODIESEL	95
MEMPROMOSIKAN BIOBAHAN API SEBAGAI SUMBER TENAGA BERSIH - BIOGAS	101
KEUTAMAAN RENTAS SEKTOR	106
PEMERKASAAAN PEKEBUN KECIL	106
DAYA SAING BUMIPUTERA	111
PEMERKASAAAN KEUSAHAWANAN DAN PMKS	114
PENYAMPAIAN BERKESAN	117
AKRONIM	126

Perutusan

Sektor Agrikomoditi merupakan nadi kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Sektor ini telah menyumbang kepada pertumbuhan KDNK berterusan danimbangan perdagangan yang positif. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju sektor Agrikomoditi, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah diberi amanah untuk memastikan kepentingan keseluruhan rakyat Malaysia terjamin.

Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030) telah menetapkan hala tuju dan pencapaian yang perlu dicapai oleh kementerian bagi tempoh 10 tahun yang akan datang dengan visi dan cita-cita yang tinggi: **Memajukan Agrikomoditi demi Kemampanan dan Kemakmuran Bersama**. KPPK telah diberikan kepercayaan untuk memastikan pelaksanaan lima teras dasar iaitu: Kemampanan, Produktiviti, Penjana Nilai, Pembangunan Pasaran dan Keterangkuman.

Program dan projek bersasar akan dilaksanakan untuk kesemua lapan komoditi dan Keutamaan Rentas Sektor iaitu Pemerksaan Pekebun Kecil, Daya Saing Bumiputera, Pemerksaan Keusahawanan dan PMKS, dan Penyampaian Berkesan. Selain itu, pengukuran pencapaian dan program khusus juga telah ditentukan dan dikenal pasti hasil kerjasama dengan agensi masing-masing.

Pelan Tindakan Fasa 1 (2021-2025) ini merupakan langkah pertama yang akan diambil dalam pelaksanaan DAKN2030. Kita semua perlu bekerjasama untuk menggerakkan keupayaan sumber dan teknikal demi memastikan pelaksanaan yang cekap dan berkesan. Saya berharap agar semua pegawai KPPK akan terus bekerja secara produktif - sama ada peringkat kementerian, agensi, sektor swasta serta pihak yang berkepentingan.

“*Kita semua harus bekerjasama untuk menggerakkan sumber dan kapasiti teknikal kita untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan dan cekap*”

YBhg. Datuk Ravi Muthayah

Ketua Setiausaha,
Kementerian Perusahaan
Perladangan Dan Komoditi



Pengenalan Kepada DAKN2030

DASAR AGRIKOMODITI NEGARA 2021-2030 (DAKN2030) PEMACU HALA TUJU SEKTOR AGRIKOMODITI

Sektor Agrikomoditi¹ merupakan nadi kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Selama beberapa dekad, sektor ini telah membantu rakyat Malaysia keluar daripada kepompong kemiskinan, menyumbang ke arah pembangunan dan pertumbuhan sosio ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan. Pencapaian dan perkembangan sektor ini adalah hasil daripada hala tuju dasar yang jelas didorong oleh kerjasama erat antara sektor awam dengan swasta, seperti mana yang telah digariskan dalam Dasar Komoditi Negara 2011-2020 (DKN2020) sebelum ini.

Pelbagai perubahan telah berlaku sepanjang sedekad yang lalu, antaranya revolusi digital yang telah mengubah cara hidup dan cara bekerja masyarakat di seluruh dunia. Generasi masa kini mempunyai aspirasi dan kehendak yang berbeza terhadap pasaran tenaga kerja berbanding dengan generasi sebelum mereka. Kebanyakan negara di dunia telah berkembang dengan pesat dan negara membangun dengan populasi rakyat yang besar berupaya untuk lebih maju. Walau bagaimanapun, kesan pandemik COVID-19 yang melanda baru-baru ini telah memberi kesan negatif terhadap ekonomi di seluruh dunia serta kesan terhadap kesejahteraan sejagat.

Justeru, sektor Agrikomoditi sentiasa bersedia untuk menghadapi perubahan dan cabaran-cabaran yang mendatang. Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030) telah digubal untuk menetapkan hala tuju sektor Agrikomoditi dalam tempoh 10 tahun akan datang. DAKN2030 telah digubal secara holistik dengan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan dalam sektor awam dan swasta. DAKN2030 merangkumi lapan komoditi utama iaitu sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, fiber berasaskan tumbuhan (kenaf), biojisim dan biobahan api.



¹ Agrikomoditi merujuk kepada komoditi berasaskan pertanian di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK).

Pencapaian Sektor Agrikomoditi Sedekad Yang Lalu

Sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Agrikomoditi telah meningkat daripada RM76.2 bilion pada tahun 2010 kepada RM85.1 bilion pada tahun 2020², iaitu sumbangan sebanyak 6.3% kepada jumlah KDNK pada tahun 2020. Pada tahun 2020, hasil eksport telah meningkat sebanyak RM150 bilion yang kebanyakannya adalah daripada hasil sawit, getah dan kayu-kayan³. Sektor Agrikomoditi juga telah membuka peluang pekerjaan sekali gus memberi pendapatan kepada 1.3 juta pekerja atau 6.3% daripada tenaga kerja dalam negara⁴, termasuk pekebun kecil dan pekerja ladang⁵.

Keluasan ladang Agrikomoditi telah meningkat sebanyak 1.1 juta hektar kepada 7.1 juta hektar dalam tempoh 2010-2020, khususnya bagi tanaman sawit. Seiring dengan perkembangan ini, amalan penanaman lestari telah ditambah baik melalui polisi bersasar, peningkatan amalan pensijilan dan pengurusan yang baik.

Pasaran sektor Agrikomoditi negara terus kukuh pada peringkat antarabangsa melalui produk-produk pada peringkat hulu dan hiliran. Malaysia menghasilkan hasil minyak (tan per hektar) tertinggi dalam kalangan lima negara pengeluar minyak sawit terbesar dunia. Di samping itu, Malaysia juga merupakan pengeluar dan pengeksport sarung tangan getah terbesar dan pengisar koko keenam terbesar di dunia.

Mendepani Cabaran

Hasil komoditi utama seperti sawit, getah dan koko telah merosot disebabkan oleh beberapa faktor seperti ketidaksuburan tanah, serangan penyakit dan perosak, amalan pertanian baik yang tidak konsisten, kekurangan tenaga kerja dan saiz ladang yang tidak ekonomik. Keadaan cuaca buruk dan tidak menentu turut memberi kesan kepada hasil komoditi. Hal ini telah menyebabkan pertumbuhan KDNK sektor Agrikomoditi hanya 1.1% pada kadar pertumbuhan purata tahunan (*Compound Annual Growth Rate - CAGR*). Pendapatan eksport turut berkembang dengan perlahan pada kadar CAGR 2.9% (2010-2020) meskipun terdapat peningkatan sebanyak 20% keluasan tanaman dalam tempoh berkenaan.

Secara amnya, selain daripada ketidakstabilan harga komoditi dan kadar pertukaran wang asing, terdapat tiga cabaran utama yang mempengaruhi sektor Agrikomoditi. Pertama, kebergantungan yang tinggi terhadap tenaga pekerja asing kurang mahir telah memberi kesan negatif terhadap peningkatan produktiviti. Kedua, peningkatan kos pengeluaran disebabkan obligasi dalam memenuhi syarat-syarat pematuan pensijilan untuk memastikan produk Agrikomoditi yang mampan. Ketiga, kekurangan kepelbagaian produk dan penjana nilai serta pembangunan ekonomi kitaran yang terhad menyebabkan kesukaran untuk bersaing dengan negara-negara ekonomi baru. Ketiga-tiga isu merupakan cabaran yang kompleks dan pandemik COVID-19 telah merumitkan lagi keadaan.

2 MPIC Commodities Fact Sheet 2020 (dikemas kini pada 24 FEB 2021); KPPK

3 Macroframe untuk Komoditi Industri Utama (3 MAC 2021); MPIC Commodities Fact Sheet 2020 (dikemas kini pada 24 FEB 2021)

4 Laporan Kajian Tenaga Buruh 2019, Kementerian Sumber Manusia (KSM) - Jumlah Tenaga Buruh adalah 15.6 juta

5 MPIC Commodities Fact Sheet 2020 (dikemas kini pada 24 FEB 2021)

DAKN2030 Dirangka Seiring Dengan Perkembangan Global Dan Agenda Nasional

Lima trend mega yang dijangka mempengaruhi pertumbuhan sektor Agrikomoditi pada 10 tahun akan datang: Kuasa ekonomi global yang akan cenderung ke arah Asia, perubahan demografi akan memberi tekanan terhadap guna tenaga serta meningkatkan permintaan untuk amalan perniagaan yang lebih baik⁶; revolusi digital akan mentransformasi sektor pertanian, peningkatan ketidaksamaan sosio ekonomi akan menggugat kestabilan dan kawalan yang semakin ketat ke atas aktiviti Agrikomoditi berikutan keprihatinan terhadap risiko alam sekitar dan iklim.

Agenda nasional sebagai asas hala tuju DAKN2030:

- **Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)** yang menetapkan tiga objektif iaitu pembangunan untuk semua; menangani jurang kekayaan dan pendapatan; negara bersatu, makmur dan bermaruah
- **Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG)** yang menetapkan 17 matlamat dalam perancangan pembangunan negara
- **Rancangan Malaysia Ke-12 2021-2025 (RMKe-12)** yang menetapkan keutamaan pembangunan sosio-ekonomi untuk negara bagi tempoh lima tahun akan datang
- **Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3)** yang merupakan dokumen perancangan spatial tertinggi dalam rangka kerja pembangunan negara⁷

Rangka kerja DAKN2030 telah digubal dengan tiga komponen utama seperti berikut:

1. **Hala Tuju Strategik** - Visi dan Teras bagi keseluruhan sektor Agrikomoditi
2. **Aspirasi Khusus Komoditi** - Aspirasi untuk setiap komoditi yang disokong oleh sasaran, strategi dan pemboleh daya dalam pelaksanaan DAKN2030
3. **Keutamaan Rentas Sektor** - Menentukan hala tuju bidang-bidang penting rentas sektor yang perlu ditangani secara menyeluruh bagi pembangunan sektor Agrikomoditi yang seimbang



⁶ Gen Z merujuk kepada Generasi Z - ditakrifkan sebagai orang yang lahir antara tahun 1996 dan 2012

⁷ RFN4 akan diterbitkan menjelang akhir 2021. Teras yang relevan akan dipertimbangkan dan dimasukkan ke dalam program pelaksanaan DAKN2030 pada masa itu

Rangka Kerja DAKN2030

VISI

**MEMAJUKAN AGRIKOMODITI DEMI
KEMAMPANAN DAN KEMAKMURAN BERSAMA**

1

KEMAMPANAN

Menerajui pengeluaran dan penggunaan mampan bagi meningkatkan ekonomi kitaran



5

KETERANGKUMAN

Memperluas keterangkuman dan mengimbangi agihan kekayaan secara saksama



5

Teras Dasar

14

Indikator

2

PRODUKTIVITI

Meningkatkan produktiviti melalui R&D&C&I dan penerimgunaan teknologi



4

PEMBANGUNAN PASARAN

Membangunkan pasaran dengan memanfaatkan rantai bekalan global



3

PENJANAAN NILAI

Memperhebat penjanaan nilai melalui aplikasi baharu, kepelbagaian produk dan peningkatan kompleksiti produk



Aspirasi Khusus Komoditi



SAWIT

Memanfaatkan perkongsian pintar bagi penerimgunaan teknologi dalam industri sawit



GETAH

Mewujudkan sinergi dalam transformasi rantaian nilai industri getah



KAYU KAYAN

Memodenkan industri kayu-kayan ke arah peningkatan daya tahan



KOKO

Memacu perkembangan industri koko



LADA

Memantapkan pertumbuhan industri lada




FIBER BERASAKAN TUMBUHAN

Menggiatkan industri fiber berasaskan tumbuhan



BIOJISIM


Mempertingkatkan ekonomi kitaran menerusi biojisim agrikomoditi



BIOBAHAN API

Mempromosikan biobahan api sebagai sumber tenaga bersih

Keutamaan Rentas Sektor



PEMERKASAAN PEKEBUN KECIL

Melahirkan pekebun kecil "pintar" dengan memodenkan perkhidmatan dan meningkatkan penggunaan teknologi



DAYA SAING BUMIPUTERA:

Melahirkan usahawan bumiputera muda di peringkat pertengahan dan hiliran



PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN DAN PMKS:

Memperluas perkhidmatan dan memacu inovasi PMKS agrikomoditi



PENYAMPAIAN BERKESAN:

Meningkatkan kecekapan bagi mencapai impak yang maksimum

Indikator-Indikator Dan Sasaran-Sasaran DAKN2030



KEMAMAPANAN

Menerajui pengeluaran dan penggunaan mampan bagi meningkatkan ekonomi kitaran

Indikator	Baseline 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030
1. Hujung - Keluasan disijilkan mampan			
Sawit - Peratusan keluasan tanaman disijilkan mampan			
Perladangan	99.8%	100%	Mengekalkan 100% keluasan tanaman yang disijilkan di bawah Skim Pensijilan MSPO
Pekebun Kecil Persendirian	31.6%	95%	
Pekebun Kecil Tersusun	98.5%	100%	
Kayu Kayan - Peratusan keluasan hutan yang disijilkan mampan (hutan semula jadi dan ladang hutan)	29%	40%	50%
2. Peringkat Hiliran - Fasiliti Pengeluaran Disijilkan Mampan			
Sawit - Unit pemprosesan yang disijilkan : Peratusan Kilang yang disijilkan di bawah Bahagian 4 MSPO	95% daripada 457 kilang disijilkan	100%	Mengekalkan 100% kilang yang disijilkan di bawah Skim Pensijilan MSPO
Kayu Kayan - Bilangan pemegang sijil Chain of Custody (CoC)	381	600	750
3. Alam Sekitar - Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) dikurangkan (bersamaan '000 tan CO₂)**			
Pengurangan pelepasan GHG tahunan daripada penggunaan biodiesel	1,590	3,540	3,540
Pengurangan pelepasan GHG tahunan daripada pemerangkapan biogas	4,000	4,500	5,000

** Anggaran pengurangan pelepasan GHG berdasarkan pengiraan yang menggunakan Garis Panduan IPCC, sesuai dengan pelaksanaan BUR3; Hanya kesan Biodiesel Sawit diukur kerana ia merupakan usaha langsung dari Kerajaan untuk mengurangkan pelepasan GHG

Sumber: KPPK; MPOB; MPOC; MPOCC; LGM; MTIB; MTC; MTCC; MCB; MPB; LKTN



PRODUKTIVITI

Meningkatkan produktiviti melalui R&D&C&I dan penerimgunaan teknologi

Indikator	Baseline 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030
4. Hasil (Output/hektar)			
Sawit - Hasil Minyak (tan/hektar)	3.33	3.70	4.00
Getah (kg/hektar)	1,415	1,820	1,950
Koko (tan/ha)	0.14	0.50	0.56
Lada (tan/ha)	6.40	6.40	6.60
Kenaf/ Fiber Berasaskan Tumbuhan (tan/ hektar)	Batang: 6 Biji Benih: 0.2	Batang: 10 Biji Benih: 0.5	Batang: 13 Biji Benih: 0.8
5. Intensiti Buruh (Nisbah Tanah: Buruh)			
Sawit (hektar:pekerja)	10:1	11:1	12:1
Getah (hektar:pekerja)	4:1	4:1	4:1
Perladangan Hutan (hektar:pekerja)	4:1	4:1	4:1
Koko (hektar:pekerja)	4:1	4:1	4:1
Lada (hektar:pekerja)	1:2	1:2	1:2
Kenaf/Fiber Berasaskan Tumbuhan (hektar:pekerja)	1:2	1:1	1:1
6. Kadar pemindahan/pelesenan dan pengkomersialan projek R&D			
Sawit	10%	10%	10%
Getah	10%	13%	15%
Kayu Kayan	10%	13%	15%
Koko	10%	13%	15%
Lada	7%	13%	15%
Kenaf/Fiber Berasaskan Tumbuhan	10%	13%	15%

Sumber: KPPK; MPOB; MPOC; MPOCC; LGM; MTIB; MTC; MTCC; MCB; MPB; LKTN



PENJANAAN NILAI

Memperhebat penjanaan nilai melalui aplikasi baharu, kepelbagaian produk dan peningkatan kompleksiti produk

Indikator	Baseline 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030
7. Sumbangan KDNK Sektoral daripada Agrikomoditi (RM) - Jumlah			
KDNK Hulu (RM Billion)	46.8 billion	47.5	50.1
KDNK Hiliran (RM Billion)	38.3 billion	57.8	88.7
8. Kadar penggunaan (Nisbah Pengeluaran: Penggunaan Domestik)			
Sawit ⁸	1 : 0.8	1 : 0.82	1 : 0.85
Getah	1 : 1	1 : 1.1	1 : 1.4
Kayu Kayan	1 : 0.7	1 : 0.75	1 : 0.8
Koko	1 : 1	1 : 1	1 : 1
Lada	1 : 0.32	1 : 0.26	1 : 0.22
Kenaf/Fiber Berasaskan Tumbuhan	1 : 1	1 : 0.9	1 : 0.8

Sumber: KPPK; MPOB; MPOC; MPOCC; LGM; MTIB; MTC; MTCC; MCB; MPB; LKTN



PEMBANGUNAN PASARAN

Membangunkan pasaran dengan memanfaatkan rantai bekalan global

Indikator	Baseline 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030
9. Jumlah Eksport Agrikomoditi (RM juta)			
Sawit	73,253	75,000	84,000
Getah	48,536	58,000	70,500
Kayu Kayan	22,023	28,000	32,800
Koko	6,229	10,000	15,000
Lada	120.8	144.5	216.8
10. Imbangan Perdagangan Agrikomoditi (RM juta)			
	109,276	129,412	154,460

⁸ Penggunaan Domestik merujuk kepada penggunaan minyak sawit mentah (MSM) dan minyak isirung sawit mentah (CPKO) dalam negara untuk kegunaan tempatan, industri penapisan dan peringkat hiliran (selepas ditolak eksport MSM dan CPKO sahaja). Formula yang digunakan untuk mengira nisbah tersebut adalah = 1 - [(eksport MSM & CPKO) / (pengeluaran MSM & CPKO)]

⁹ Data *baseline* 2020 bagi jumlah eksport Agrikomoditi termasuk tembakau

Indikator	Baseline 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030
11. Nisbah Eksport Getah			
Sawit	79 : 21	66 : 34	61 : 39
Getah	15 : 85	18 : 82	19 : 81
Kayu Kayan	34 : 66	32 : 68	30 : 70
Koko	16 : 84	10 : 90	9 : 91
Kenaf/Fiber Berasaskan Tumbuhan	N/A	50 : 50	40 : 60

Sumber: KPPK; MPOB; MPOC; MPOCC; LGM; MTIB; MTC; MTCC; MCB; MPB; LKTN



KETERANGKUMAN

Memperluas keterangan dan mengimbangi agihan kekayaan secara saksama

Indikator	Baseline 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030	Catatan	
12. Pendapatan Pekebun Kecil (RM)**					
Sawit	Pendapatan Bersih	1,560 (TANAMAN TUNGGAL) 1,940 (INTEGRASI)	1,540 (TANAMAN TUNGGAL) 1,960 (INTEGRASI)	1,580 (TANAMAN TUNGGAL) 2,040 (INTEGRASI)	Purata saiz pegangan tanah 3.8 hektar Sumber: MPOB, JAN 2020
	Pendapatan Kasar	3,020 (TANAMAN TUNGGAL) 3,560 (INTEGRASI)	3,020 (TANAMAN TUNGGAL) 3,620 (INTEGRASI)	3,480 (TANAMAN TUNGGAL) 4,050 (INTEGRASI)	
Getah	Pendapatan Bersih	589 (TANAMAN TUNGGAL)	1,250 (TANAMAN TUNGGAL) 2,030 (INTEGRASI)	1,580 (TANAMAN TUNGGAL) 2,550 (INTEGRASI)	Purata saiz pegangan tanah 1.9 hektar Sumber: LGM, FEB 2021
	Pendapatan Kasar	902 (TANAMAN TUNGGAL)	1,730 (TANAMAN TUNGGAL) 2,720 (INTEGRASI)	2,170 (TANAMAN TUNGGAL) 3,480 (INTEGRASI)	
Koko	Pendapatan Bersih	368 (TANAMAN TUNGGAL)	440 (TANAMAN TUNGGAL) 1,520 (INTEGRASI)	530 (TANAMAN TUNGGAL) 1,830 (INTEGRASI)	Purata saiz pegangan tanah 1 hektar Sumber: LKM, FEB 2021
	Pendapatan Kasar	640 (TANAMAN TUNGGAL)	710 (TANAMAN TUNGGAL) 1,790 (INTEGRASI)	800 (TANAMAN TUNGGAL) 2,100 (INTEGRASI)	
Lada	Pendapatan Bersih	541	890	1,280	Purata saiz pegangan tanah 0.25 hektar Sumber: MPB, MAC 2021
	Pendapatan Kasar	1,046	1,310	1,730	

Indikator	Baseline 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030	Catatan
Kenaf/Fiber Berasaskan Tumbuhan	934	2,200	3,100	1. Pendapatan Bersih = Pendapatan Kasar bagi pekebun kecil kenaf kerana kos penanamannya disubsidi oleh Kerajaan 2. Purata saiz pegangan tanah 1.53 hektar (2020) dan 2 hektar (2025 & 2030) Sumber: LKTN, FEB 2021

** Sasaran: Pendapatan isi rumah melebihi garis kemiskinan (RM2,208) akan dicapai melalui tanaman integrasi dan pengukuhan koperasi

13. Sumbangan PMKS Agrikomoditi Kepada Pengeluaran Agrikomoditi (RM)

Getah	2.4 billion	3.4 billion	4.4 billion
Kayu Kayan	65 juta	85 juta	100 juta
Lada	20 juta	124.4 juta	186.6 juta
Kenaf / Fiber Berasaskan Tumbuhan	9.44 juta	22.5 juta	45.5 juta
Koko	5.8 juta	12.5 juta	25 juta

14. Peratusan PMKS Bumiputera pada peringkat Pertengahan & Hiliran terutamanya Generasi Baharu ("Next Gen" Bumiputera Entrepreneurs)

Getah	4% (13/325)	7% (23/325)	9% (33/367)
Kayu Kayan	43.8% (370/845)	59.2% (500/845)	71% (600/845)
Lada	20% (11/55)	30% (600/2000)	40% (800/2000)
Kenaf / Fiber Berasaskan Tumbuhan	99% (125/126)	80% (210/263)	60% (520/867)
Koko	93% (216/232)	90% (254/282)	80% (257/321)

Sumber: KPPK; LGM; MTIB; MTC; MTCC; MCB; MPB; LKTN





500ml

500

APPROX

400

300

200

SAWIT



**Memfaatkan
Perkongasian
Pintar Bagi
Penerimagunaan
Teknologi Dalam
Industri Sawit**

Hala Tuju 2021-2030



*Semua Pengukuran Pencapaian yang ditandai dengan bentuk asterisk akan diperhalusi dan dimuktamadkan secara terperinci sementara menunggu perbincangan lebih lanjut bersama kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan



T1. KEMAMPAHAN

Menerajui kemampuan

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
S1. Memperkuh langkah dan mekanisme kemampuan, termasuk pelaksanaan dan piawaian MSPO	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Proses Semakan Piawaian MSPO ▶ Projek Biojisim Disijilkan MSPO 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Semakan Piawaian MSPO diselesaikan pada tahun 2021 ▶ Penggubalan piawaian MSPO untuk biojisim sawit menjelang 2022 	BISS/MPOCC	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peratusan keluasan tanaman minyak sawit yang disijilkan mampan (Perladangan): 100% 2. Peratusan keluasan tanaman minyak sawit yang disijilkan mampan (Pekebun kecil persendirian): 95% 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peratusan keluasan tanaman minyak sawit yang disijilkan mampan (Perladangan): 100% 2. Peratusan keluasan tanaman minyak sawit yang disijilkan mampan (Pekebun kecil persendirian): 100%
S2. Meningkatkan dan memperkuh kebolehjekan minyak sawit yang disijilkan mampan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Program <i>Flagship 1</i>: Kebolehjekan MSPO 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Integrasi teknologi <i>blockchain</i> ke dalam sistem MSPO Trace sedia ada (MSPO Trace 2.0) 	BISS/MPOCC MOSTI/MIMOS	<ol style="list-style-type: none"> 3. Peratusan keluasan tanaman minyak sawit yang disijilkan mampan (Pekebun kecil tersusun): 100% 	<ol style="list-style-type: none"> 3. Peratusan keluasan tanaman minyak sawit yang disijilkan mampan (Pekebun kecil tersusun): 100%
S3. Menggalakkan amalan bertanggungjawab yang diterajui oleh industri di seluruh rantaian nilai mengenai hak dan kebajikan pekerja, piawaian keselamatan dan pematuhan	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menjalankan program amalan terbaik persekitaran, sosial & industri yang berkaitan dengan pensijilan MSPO ▶ Melaksanakan kempen sosial, keselamatan dan kesihatan MSPO untuk pekebun kecil persendirian sawit 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 10 program kesedaran/pemantauan setiap tahun di sepanjang rantaian nilai ▶ Peningkatan kesedaran mengenai aspek sosial, keselamatan, kesihatan dan persekitaran MSPO dalam kalangan pekebun kecil persendirian sawit 	BISS/MPOCC/MPOB	<ol style="list-style-type: none"> 4. Mengekalkan 100% kilang pemrosesan yang disijilkan di bawah MSPO Bahagian 4 5. Mengekalkan sekurang-kurangnya 90% kilang pemrosesan yang disijilkan di bawah Skim Pensijilan MSPO 	<ol style="list-style-type: none"> 4. Mengekalkan 100% kilang pemrosesan yang disijilkan di bawah MSPO Bahagian 4 5. Mengekalkan sekurang-kurangnya 98% kilang pemrosesan yang disijilkan di bawah Skim Pensijilan MSPO

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
S4. Meningkatkan usaha pemuliharaan dan pengurusan alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menjajarkan semula semua aktiviti pemuliharaan hidupan liar yang berkaitan dengan industri sawit di bawah MPOGCF yang baru ditubuhkan ▶ Penanaman 1 Juta Pokok Hutan ▶ Pemuliharaan Gajah Borneo di Sabah melalui Penanaman Rumput Gajah (Projek perintis) ▶ Unit Penyelamat Hidupan Liar bersama Jabatan Hidupan Liar Sabah ▶ Kajian Populasi dan Pemuliharaan Orang Utan Borneo dan Gajah Pigmi ▶ Program Pemuliharaan Harimau dengan kerjasama PERHILITAN & Pembiayaan Pembedahan Katarak Harimau ▶ Pusat Perlindungan Gajah Borneo 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan bilangan aktiviti pemuliharaan hidupan liar yang berkaitan dengan industri sawit di bawah MPOGCF ▶ 1 juta pokok ditanam di sepanjang lembangan Sungai Kinabatangan ▶ Peningkatan kawasan penanaman rumput gajah (<i>napier</i>) untuk menghubungkan kawasan hutan di sepanjang lembangan Sungai Kinabatangan ▶ Pengurangan bilangan pencerobohan gajah di perladangan ▶ Pelepasan 5 ekor harimau ke dalam hutan melalui program pembiakan dan meliarkan semula di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) dan (Pusat Pemuliharaan Harimau Kebangsaan) NTCC ▶ Penyelesaian Kajian Populasi dan Pemuliharaan Orang Utan Borneo dan Gajah Pigmi 	BISS/MPOC	6. Peratusan dana MPOGCF yang dibelanjakan untuk usaha/program pemuliharaan: 90% daripada dana sepanjang 5 tahun	6. Peratusan dana MPOGCF yang dibelanjakan untuk usaha/program pemuliharaan: 90% daripada dana sepanjang 5 tahun



T2. PRODUKTIVITI

Meluaskan usaha peningkatan produktiviti, terutamanya di peringkat hulu dan pertengahan

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
<p>S5. Melabur dalam R&D&C berorientasikan pasaran untuk meningkatkan bekalan bahan tanaman berhasil tinggi</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Program Perkongsian Kultur Tisu MPOB-Industri (Penubuhan Makmal Gabungan) ▶ Mendirikan kilang minyak sawit 1 tan untuk Penilaian Produktiviti Variasi Sawit Baharu ▶ Menggunakan <i>SureSawit</i> SHELL sebagai alat kawalan mutu untuk pengeluaran benih 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 10% penanaman semula seluruh negara terdiri daripada klon ▶ Peningkatan Kadar Perahan Minyak sebanyak 2-3% hingga 5% (kadar premium) untuk BTS klonal berbanding DxP yang berasal dari biji benih ▶ Semakan semula piawaian SIRIM untuk pengeluaran benih (MS157: 2017) dengan merangkumkan ujian DNA untuk SHELL 	<p>BISS/MPOB</p>	<p>7. Produktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Hasil Minyak: 3.70 tan/hektar ▶ Hasil Buah Tandan Segar: 18.25 tan/hektar ▶ Kadar Perahan Minyak: 20.25% <p>8. Intensiti Buruh - Nisbah Tanah : Buruh (hektar : pekerja): 11 : 1</p> <p>9. Kadar pemindahan/pelesenan dan peng-komersialan projek R&D: 10%</p>	<p>7. Produktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Hasil Minyak: 4.00 tan/hektar ▶ Hasil Buah Tandan Segar: 19.50 tan/hektar ▶ Kadar Perahan Minyak: 20.50% <p>8. Intensiti Buruh - Nisbah Tanah : Buruh (hektar : pekerja): 12 : 1</p> <p>9. Kadar pemindahan/pelesenan dan peng-komersialan projek R&D: 10%</p>
<p>S6. Menggiatkan penerimgunaan amalan pertanian terbaik</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Meneruskan pelaksanaan OPIMIS ▶ Meneruskan program KOML 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan nisbah tanah kepada pekerja dari 10:1 ke 12:1 ▶ Penurunan kekurangan tenaga kerja dari purata 7-9% daripada jumlah tenaga kerja ke kurang daripada 7% 	<p>BISS/MPOB</p>	<p>10. Kadar mekanisasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Penuaian - 10% ▶ Aktiviti mekanisasi lain - 25% 	<p>10. Kadar mekanisasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Penuaian - 30% ▶ Aktiviti mekanisasi lain - 35%
<p>S7. Memudah cara penerimgunaan teknologi automasi, mekanisasi dan IR4.0 untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Program <i>Flagship</i> 2: Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP) 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 5 perladangan & 5 kluster pekebun kecil diberi insentif untuk mekanisasi komersial (OPIMIS, SKIDIC, Dana Mekanisasi) 	<p>BISS / MPOB MOSTI/MIMOS</p>		

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
		<ul style="list-style-type: none"> ▶ 5 teknologi mekanisasi baharu dibangunkan ▶ Digitalisasi Pembiakbakaan dan Kultur Tisu dari makmal ke ladang secara 100% untuk peningkatan kecekapan 			
S8. Mempromosi teknologi baharu kepada PMKS, persatuan dan agensi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Berkongsi kisah kejayaan daripada penerima teknologi ▶ Mengadakan pembentangan kepada pembiaya ▶ Mengaturkan Program Pemindahan Teknologi (ToT) 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sekurang-kurangnya 1 penerima teknologi setiap tahun untuk teknologi yang ditawarkan pada tahun tersebut 	BISS / MPOB MOSTI/ MIMOS/ Nuklear Malaysia		





T3. PENJANAAN NILAI

Menggiatkan peralihan ke aktiviti bernilai tinggi dan menerokai peluang *circular economy*

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
<p>S9. Meluaskan pembangunan produk berorientasikan pasaran seperti produk oleokimia dan biobahan api berprestasi khusus, makanan dan ramuan fungsian</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Program: Pembangunan Produk Hiliran yang Bernilai Tinggi (Tokotrienol) ▶ Menjalankan R&D dan pengkomersialan oleokimia, POME, minyak sawit merah, fenolik, purafex dan produk berasaskan Nano-tokotrienol 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sekurang-kurangnya 5 teknologi dikomersialkan setiap tahun untuk produk bernilai tambah dari makanan, oleokimia dan biobahan api ▶ 4 sesi Webinar setiap tahun bersama <i>SME Corp</i> dan lebih banyak aktiviti promosi dengan persatuan-persatuan seperti FMM / oleokimia (akan dimuat naik di media sosial MPOB) 	<p>BISS/MPOB MOSTI/Nano-Malaysia/ Pusat Nano-teknologi Kebangsaan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 11. Sumbangan kepada KDNK : RM57,656 Juta 12. Kadar penggunaan (Nisbah Pengeluaran : Penggunaan domestik): 1 : 0.82 	<ol style="list-style-type: none"> 11. Sumbangan kepada KDNK: RM69,075 Juta 12. Kadar penggunaan (Nisbah Pengeluaran : Penggunaan domestik): 1 : 0.85
<p>S10. Mempergiat usaha R&D untuk mempelbagaikan jenis minyak sawit dan minyak isirung sawit bernilai tinggi</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Bekerjasama dengan industri untuk menghasilkan projek baharu mengenai minyak sawit dan isirung sawit 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 6 projek bernilai tinggi baharu dicadangkan untuk mempelbagaikan minyak sawit dan minyak isirung sawit 	<p>BISS/MPOB</p>		
<p>S11. Memastikan pematuhan terhadap ketetapan piawaian kualiti dan keselamatan makanan antarabangsa dan negara pengimport</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menjalankan projek mitigasi di kilang minyak sawit untuk menghasilkan produk ditapis dengan nilai 3MCPD bertahap 2.5ppm atau lebih rendah ▶ Memberikan insentif cukai atau geran untuk sistem pencucian di kilang minyak sawit 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penurunan (2.5 ppm untuk produk minyak sawit ditapis dan 1.25 ppm untuk produk minyak isirung sawit ditapis) kandungan 3MCPD yang dihasilkan di bawah jenama minyak sawit khas Malaysia menjelang 2025 	<p>BISS/MPOB/ MPOC/MoH</p>		

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menjalankan kajian tanda aras 3MCPD dan minyak hidrokarbon mineral oleh badan-badan bebas antarabangsa untuk Codex Alimentarius ▶ Memasukkan kriteria dan prinsip Kod Amalan (CoP) di bawah Codex Alimentarius ke dalam skim pensijilan MSPO melalui Semakan Piawaian ▶ Menghantar semula kajian pasca tanda aras mengenai 3MCPD dan minyak hidrokarbon mineral ke Codex Alimentarius untuk menolak dakwaan 2.5ppm EFSA 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Penurunan kandungan minyak hidrokarbon mineral* ▶ 457 kilang minyak sawit menghasilkan tahap 3MCPD yang lebih rendah melalui projek mitigasi ▶ Kod Amalan yang termasuk dalam skim pensijilan MSPO melalui Semakan Piawaian MSPO 			
<p>S12.</p> <p>Mengambil peluang ke atas <i>circular economy</i> melalui pendekatan buangan-sifar</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Membangunkan pangkalan data biojisim yang mempunyai elemen kebolehjejakan - kemungkinan melalui MSPO Trace 2.0 ▶ Membangunkan pelan/dasar untuk biojisim sawit dan mewujudkan pusat pengumpulan biojisim maya ▶ Mengkaji semula insentif yang sedia ada untuk industri biojisim ▶ Bekerjasama dengan industri untuk membangun/melaksanakan teknologi-teknologi bersisa sifar 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 20% biojisim sawit dimanfaatkan dari perladangan dan kilang minyak sawit ▶ 4 produk bernilai tinggi baharu yang dihasilkan daripada biojisim untuk strategi sisa sifar yang dapat menjana pendapatan 	BISS/MPOB		




T4. PEMBANGUNAN PEMASARAN

Kerjasama strategik yang diterajui oleh industri

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/ Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
<p>S13. Meningkatkan akses pasaran melalui perjanjian perdagangan serta mengukuhkan pasaran sedia ada, terutamanya mendalami pasaran di negara-negara Asia Tenggara, China, India dan Timur Tengah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menjalankan kajian mengenai struktur cukai Malaysia ▶ Mengkaji semula struktur cukai Malaysia bagi industri sawit untuk memastikan daya saing industri sawit Malaysia berbanding dengan Indonesia ▶ Menyediakan input yang tepat pada masanya kepada MITI untuk dimasukkan ke dalam perjanjian perdagangan ▶ Mengaturkan program-program promosi dan Misi Menteri di negara-negara yang dikenal pasti berdasarkan isu yang akan ditangani pada masa itu 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sasaran jumlah dan nilai eksport 2025 dicapai ▶ Struktur cukai untuk industri sawit Malaysia dikaji semula ▶ Perjanjian perdagangan sedia ada dikaji semula/perjanjian perdagangan baharu diatur* ▶ 2 misi Menteri diatur setiap tahun 	<p>BISS / MPOC / MPOB / MoF / Kerajaan-kerajaan Negeri / PBT</p>	<p>13. Jumlah Eksport</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Isi padu: 31 juta tan ▶ Nilai: RM75 bilion <p>14. Eksport Huluhan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Isi padu: 20.5 juta tan ▶ Nilai: RM50 bilion <p>15. Eksport Hiliran:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Isi padu: 10.5 juta tan ▶ Nilai: RM25 bilion <p>16. Nisbah Eksport Huluhan :</p> <p>Hiliran: 66 : 34</p> <p>17. Imbangan Perdagangan: RM64.2 bilion</p>	<p>13. Jumlah Eksport</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Isi padu: 34.5 juta tan ▶ Nilai: RM84 bilion <p>14. Eksport Huluhan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Isi padu: 21 juta tan ▶ Nilai: RM57 bilion <p>15. Eksport Hiliran:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Isi padu: 13.5 juta tan ▶ Nilai: RM27 bilion <p>16. Nisbah Eksport Huluhan :</p> <p>Hiliran: 61 : 39</p> <p>17. Imbangan Perdagangan: RM71.5 bilion</p>
<p>S14. Kerjasama dengan industri untuk mengukuhkan komunikasi mengenai amalan kemampuan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mengadakan sesi libat urus G2G ▶ Mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan/ industri 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 10 negara baharu untuk penembusan pasaran untuk produk yang disijilkan MSPO 	<p>BISS / MPOCC / MPOC</p>		

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Memperkukuh jangkauan media sosial pejabat serantau MPOC melalui strategi komunikasi yang menyeluruh ▶ Program Duta Jenama MSPO untuk menggalakkan syarikat menggunakan logo MSPO pada produk mereka 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 3 syarikat luar negara dan 5 syarikat tempatan menggunakan logo MSPO untuk produk minyak sawit mereka 			





T5. KETERANGKUMAN Memimpin Usaha Mensejahterakan Pekebun Kecil

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/ Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
<p>S15. Menambah baik model kesejahteraan pekebun kecil persendirian</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mengembangkan bantuan kerajaan bersasar yang baharu untuk membantu koperasi-koperasi dalam usaha niaga yang baharu ▶ Menyediakan pakej perkhidmatan pasca tuaian kepada pekebun kecil untuk mengurangkan kos operasi mereka ▶ Membangunkan dan menggalakkan koperasi/kumpulan pensijilan yang diterajui oleh kilang minyak sawit 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan bilangan usaha niaga baharu di bawah koperasi sedia ada yang diurus dengan baik dan mempunyai kewangan yang stabil (Terkini: 65, Sasaran penubuhan KPSM baharu: 5) ▶ Menyerapkan 162 SPOC sedia ada ke dalam sistem KPSM 	<p>BISS/MPOB</p>	<p>18. Pendapatan Pekebun Kecil (RM) - Purata pendapatan sebulan mengikut pegangan tanah</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Pendapatan bersih (Tanaman Tunggal): RM1,540 ▶ Pendapatan bersih (Integrasi): RM1,960 ▶ Pendapatan kasar (Tanaman Tunggal): RM3,020 ▶ Pendapatan kasar (Integrasi): RM3,560 <p>19. Harga premium BTS yang diterima oleh pekebun kecil dalam koperasi berbanding dengan pekebun kecil persendirian: RM8/tan</p>	<p>18. Pendapatan Pekebun Kecil (RM) - Purata pendapatan sebulan mengikut pegangan tanah</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Pendapatan bersih (Tanaman Tunggal): RM1,580 ▶ Pendapatan bersih (Integrasi): RM2,040 ▶ Pendapatan kasar (Tanaman Tunggal): RM3,400 ▶ Pendapatan kasar (Integrasi): RM4,050 <p>19. Harga premium BTS yang diterima oleh pekebun kecil dalam koperasi berbanding dengan pekebun kecil persendirian: RM8/tan</p>
<p>S16. Mengoptimumkan sokongan kerajaan menerusi bantuan bersasar seperti tadbir urus data dan program penajaan pendapatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mendirikan kilang baja di bawah koperasi untuk mengurangkan input pertanian yang diperlukan ▶ Menyemak semula dan memperluas program-program bantuan input pertanian sawit ▶ Meneruskan program bantuan penanaman semula sawit 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Peningkatan keahlian daripada 6,500 kepada 8,000 ahli untuk skim koperasi KPSM bagi pekebun kecil persendirian dalam SPOC ▶ Mengembangkan pengetahuan 100,000 pekebun kecil persendirian dalam SPOC mengenai GAP dan amalan pengurusan sawit 	<p>BISS/MPOB</p>		

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Skim penanaman semula sawit yang menyeluruh yang merangkumi integrasi tanaman/ternakan/ayam itik sebagai pakej (tertumpu pada mempelbagaikan sumber pendapatan) ▶ Memperkenalkan dan menggalakkan pekebun kecil untuk mempelbagaikan pendapatan mereka melalui program tanaman/ternakan/ayam itik bersama dengan penanaman sawit 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 1 tanaman atau ternakan baharu sebagai produk nilai tambah dalam kalangan 5,000 pekebun kecil untuk rancangan dan aktiviti ladang mereka 			
<p>S17.</p> <p>Memperkasa Bumiputera untuk meningkatkan penyertaan pada peringkat hulu, pertengahan dan hiliran</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menjalankan program untuk usahawan/ PMKS Bumiputera bersama SMECorp, termasuk mempromosikan pengkomersialan teknologi-teknologi MPOB untuk menggalakkan penyertaan dalam industri berimpak tinggi dan strategik serta mencipta lebih banyak produk bernilai tambah: <ul style="list-style-type: none"> - Sesi latihan / webinar - Sesi interaksi / libat urus bersama persatuan PMKS - Bekerjasama dengan PMKS dalam pembangunan produk ▶ Sesi interaksi / libat urus bersama agensi pembiaya untuk menggalakkan pengkomersialan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 60% Bumiputera dan 80% PMKS sebagai penerima teknologi/ pemegang lesen ▶ Sekurang-kurangnya 5 teknologi MPOB diguna pakai setiap tahun 	BISS/MPOB		



PEMBOLEH DAYA INDUSTRI SAWIT

Pemboleh Daya 1. Memudah Cara Pelaburan

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kerajaan memudah cara pihak swasta yang ingin meningkatkan pelaburan pada peringkat hiliran melalui usaha sama (JV) atau pengambilalihan syarikat asing yang mempunyai kepakaran dalam pengeluaran dan penggunaan bahan makanan khusus, bahan kimia berprestasi tinggi dan biobahan api 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menubuhkan jawatankuasa penyelarasan untuk pelaburan dalam industri hiliran sawit ▶ Memberikan insentif cukai khas untuk pelaburan ke dalam pengeluaran di mana pihak berkepentingan domestik terlibat (pengecualian dan insentif cukai berada di bawah bidang kuasa MITI / MIDA) ▶ Menggalakkan pelaburan langsung asing terutamanya pelaburan modal dengan membawa masuk syarikat multinasional besar (di bawah bidang kuasa MITI / MIDA) ▶ Menyediakan program latihan kemahiran dan penempatan pekerjaan untuk Agrikomoditi (di bawah bidang kuasa KSM) <p>Nota: untuk dibincangkan dengan lebih lanjut bersama MITI / MIDA / KSM</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pelaburan berkualiti termasuk: <ul style="list-style-type: none"> - Pemindahan teknologi langsung untuk setiap pelaburan - Peningkatan jumlah pekerja mahir tempatan untuk setiap pelaburan - Peningkatan pemegang saham/ pemilikan tempatan - Penurunan kandungan import dalam pengeluaran untuk memastikan pendapatan bersih yang lebih tinggi untuk negara 	BISS / MPOB / MPOC / MITI / MoF / KSM / MIDA

Pemboleh Daya 2. Meningkatkan Akses Pasaran

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menyelaras dan memperkemas program-program promosi dan pemasaran teknikal untuk minyak sawit dan produk minyak sawit ke arah peningkatan eksport produk bernilai tambah tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mengkaji semula program-program Promosi Eksport dan Kerjasama Teknikal untuk menyasarkan pasaran-pasaran yang membangun ▶ Mengaturkan program latihan untuk meningkatkan kemampuan pejabat luar negara 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Program-program promosi dan teknikal luar negara yang berkualiti* ▶ Meningkatkan keupayaan pejabat luar negara untuk menarik pelaburan masuk/ keluar untuk menjamin kontrak jangka panjang* 	BISS / MPOC / MPOB / MPOCC / MITI / MIDA / MATRADE

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> ▶ Meningkatkan dan meneruskan peruntukan dana untuk memerangi kempen anti-sawit yang aktif di seluruh dunia 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mengaturkan sesi libat urus G2G dan B2B untuk menjamin akses pasaran ▶ Memperkemas dan meningkatkan penyelarasan program-program pemasaran dan promosi ▶ Mengatur program-program bersama dengan industri untuk memerangi kempen anti-sawit yang aktif ▶ Melantik agensi PR yang berwibawa untuk memberikan pandangan & perundingan mengenai strategi, aktiviti & pelaksanaannya setiap tahun. Strategi-strategi termasuk: <ul style="list-style-type: none"> - Pengambilan 'pihak ketiga' yang berwibawa untuk mempertahankan Minyak Sawit Malaysia. Mereka termasuk ahli akademik, selebriti media sosial, jurumasak terkenal, persatuan, wartawan dan lain-lain - Menempatkan artikel/laporan bantahan terhadap dakwaan di domain awam - Merangka & menyelenggara laman web khusus & platform media sosial tersebut - Kempen iklan kepada pengguna yang disasarkan - Mewujudkan hubungan dengan perangka dasar/persatuan/wartawan yang disasarkan untuk maklumat terkini/perkembangan baharu di Kesatuan Eropah (EU) & Amerika Syarikat (AS). ▶ Mengoptimumkan maklum balas oleh CPOPC terhadap kempen anti-sawit di kawasan terpilih 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menyusun G2G dan B2B yang lebih berkualiti untuk memastikan daya saing Malaysia terutamanya dalam percukaian/insentif* ▶ Bilangan program yang dianjurkan bersama industri untuk memerangi kempen anti-sawit yang aktif* ▶ Peningkatan kekerapan penyebaran maklumat minyak sawit yang 'tepat' & bantahan terhadap dakwaan di domain awam* ▶ Pengurangan kekerapan serangan terhadap Minyak Sawit Malaysia terutama dalam isu semasa & akan tamat* ▶ Peningkatan pemahaman di EU mengenai sifat-sifat Minyak Sawit Malaysia khususnya dari segi keselamatan & kesihatan* ▶ Pengurangan kejadian/kemunculan isu baharu yang menyasarkan Minyak Sawit Malaysia* 	<p>BISS / MPOC / MPOCC</p>

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana
<ul style="list-style-type: none">▶ Menggalakkan kerjasama pihak swasta dalam komunikasi mengenai kesan positif minyak sawit terhadap kehidupan masyarakat dan langkah kemampanan yang dilaksanakan oleh industri	<ul style="list-style-type: none">▶ Menjalankan program komunikasi bersama pihak industri untuk meningkatkan penerimaan terhadap minyak sawit dan produk berasaskan sawit▶ Melantik universiti antarabangsa yang ternama dan berwibawa untuk menjalankan kajian empirikal mengenai kesan-kesan pelaksanaan MSPO di lapangan melalui geran penyelidikan atau pembiayaan kerajaan	<ul style="list-style-type: none">▶ Bilangan program komunikasi bersama yang dijalankan*▶ Kajian mengenai kesan-kesan pelaksanaan MSPO di lapangan selesai sebelum tahun 2025	BISS / MPOB / MPOCC / MPOC





GETAH



**Mewujudkan Sinergi
Dalam Transformasi
Rantai Nilai
Industri Getah**

Hala Tuju 2021-2030





T1. KEMAMPUAN

Transformasi peringkat hulu melalui peningkatan bekalan bahan mentah dan jaminan kualiti

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
S1. Menggiatkan peranan pekebun kecil melalui pengukuhan koperasi, penyelarasan institusi dan inisiatif pembaharuan secara menyeluruh	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Program <i>Flagship</i> 3: Koridor Lateks Pantai Timur ▶ Program: Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET) ▶ Mewujud dan melaksana <i>Malaysian Sustainable Natural Rubber</i> (MSNR) 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 15 kluster pekebun kecil diwujudkan bagi pengurusan kebun kecil getah yang lebih cekap 	GET/ LGM/ RISDA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keluasan tanam semula: 25,000 hektar 2. Bilangan piawaian Malaysia dan piawaian lain yang diiktiraf untuk meningkatkan kualiti produk berasaskan getah: 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keluasan tanam semula: 25,000 hektar 2. Bilangan piawaian Malaysia dan piawaian lain yang diiktiraf untuk meningkatkan kualiti produk berasaskan getah:
S2. Mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk penanaman getah berskala besar	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Melaksanakan Program Tanam Semula ▶ Menubuh dan melaksanakan Ladang Komuniti Getah 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 25,000 hektar setahun ladang getah ditanam semula ▶ 15 pusat mengumpul getah ditubuhkan ▶ 15 buah koperasi getah ditubuhkan 	RISDA LGM	<p>Bilangan piawaian tambahan berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengujian produk: 10 ▶ Pensijilan produk: 3 	<p>Bilangan piawaian tambahan berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Pengujian produk :10 ▶ Pensijilan produk: 3
S3. Melaksanakan skim jaminan kualiti untuk mengawal selia getah yang diimport serta sokongan terhadap perdagangan dan penggunaan domestik	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Melaksanakan Program Peluasan Skop setiap tahun. Antara projek-projek ialah: - Pensijilan sarung tangan pembedahan - Pensijilan Lateks Busa / Tilam Getah - Pensijilan Benih Cantuman Muda Polibeg (BCMP) 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Pentauliahian ISO 17025 bagi 2 piawaian setiap tahun ▶ Pensijilan ISO 17065 bagi 3 produk setiap tahun 	LGM		



T2. PRODUKTIVITI

Memperluas usaha meningkatkan produktiviti pada peringkat hulu, pertengahan dan hiliran

Strategi	Program/Aktiviti 2021-2025	Pengukuran Pencapaian 2021-2025	Peneraju/Pelaksana	Sasaran	
				2025	2030
